



## KAJIAN SEMASA

Beberapa projek pembinaan sedang diuruskan oleh UPUM Sdn Bhd. Di antara projek-projek yang sedang dikendalikan ialah;

1. A Study On Settlement Related Problems Of Housing Development On Compressible Soil In The State Of Selangor-  
Klien : UPEN Selangor  
Ketua Projek : Prof. Dr. Roslan Hashim
2. Projek Khas NKRA: Pra Sekolah Seluruh Malaysia (716 sekolah)  
Klien : Kementerian Pelajaran Malaysia  
Ketua Projek : Prof. Madya Sr. Dr. Khairuddin Sulaiman
3. Projek-Projek Pembangunan Pendidikan Di Bawah Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMK-9)  
- Sekolah Rendah Kebangsaan Putrajaya, Precint 5(1) (A194)  
Klien: Kementerian Pelajaran Malaysia  
Ketua Projek : Sr Dr Khairuddin Sulaiman
4. Projek-Projek Pembangunan Pendidikan Di Bawah Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMK-9)  
- Sekolah Menengah Kebangsaan Putrajaya, Precint 5(1) (A140)  
Klien : Kementerian Pelajaran Malaysia  
Ketua Projek : Prof Madya Sr Dr Khairuddin Sulaiman
5. Cadangan Mengubahsuai Pejabat, Pusat Pelajar, Ruang Legar Auditorium dan Kafetaria di International Universiti Malaya-Wales, Kampus Kota, Kuala Lumpur  
Klien : UM Holding  
Ketua Projek : Dr Ati Rosemary



### SIDANG REDAKSI

PENALING:  
IR. DR. ISMAIL OTHMAN

SUMBER BERITA:  
STAF UPUM

EDITOR/GRAFIK:  
MOHD SAZALI SALMI

JURUGAMBAR:  
MOHD. SAZELY MOHD. YUNUS

### NAIB CANSOLOR UNIVERSITI MALAYA



Prof. Dato' Dr Mohd Amin Jalaludin

UPUM mengucapkan tahniah diatas pelantikan Prof. Dato' Dr Mohd Amin Jalaludin sebagai Naib Cansolor Universiti Malaya berkuatkuasa pada 8 November 2013.

UPUM akan terus memberikan perkhidmatan yang berkualiti dan terbaik agar dapat menjana pendapatan yang lebih tinggi untuk Universiti Malaya.



**“IF YOU CAN BELIEVE, YOU CAN ACHIEVE”**

**“JIKA ADA ORANG INGIN MENJATUHKAN KAMU, ITU MENUNJUKKAN BAHAWA KAMU BERADA DI ATAS MEREKA”**

**Sekalung Tahniah Kepada Naib Canselor Baharu UNIVERSITI MALAYA**

# NOTA EDITOR

Unit Perundingan Universiti Malaya (UPUM), ingin menarik perhatian staf-staf akademik serta bukan akademik yang berminat untuk menyertai kerja-kerja perundingan, berkenaan dengan pengiraan kos di dalam pelaksanaan kerja perundingan. Rujukan: GARIS PANDUAN KERJA PERUNDINGAN Edisi Ketiga 2008.

Komponen Fi Perunding (FP) untuk Tenaga Pengajar Universiti adalah seperti berikut:

1. Bahagian A
  - a. Setiap tenaga akademik yang terlibat dalam kerja perundingan akan dibayar mengikut komponen yang telah ditentukan.
  - b. Tiga komponen yang ditetapkan ialah *Salary*, *Incentive* dan juga *Research and Development*.
2. Bahagian B  
Bahagian B ialah *University Consultancy Bureau's fee* dimana 0.30 daripada kos perundingan adalah dikhaskan kepada bayaran fi firma perundingan universiti.
3. Bahagian C  
Kos overhead untuk firma perundingan universiti ditetapkan potongannya seperti berikut iaitu kemudahan dan peralatan di pejabat, perkakasan IT, keuntungan dan lain-lain.

### KOMPONEN FP BAGI SEMUA KATEGORI TENAGA PENGAJAR UNIVERSITI AWAM/SWASTA YANG DILANTIK OLEH FIRMA

Component for Multiplier	Component Ratio
<b>A. Benefits of Named Employee</b>	
Salary	1.00
Incentive	0.50
Research and Development	0.05
<b>B. University Consultancy Bureau's fee</b>	0.30
<b>C. Firm's Overhead</b>	
Utilities and office supplies	0.05
IT hardware	0.03
Profit	0.20
Others	0.07
<b>TOTAL</b>	<b>2.20</b>

Dalam usaha meramaikan lagi pakar-pakar dalam kerja perundingan di Universiti Malaya, staf yang berminat diminta mengemukakan borang pendaftaran perunding yang boleh di dapati di pejabat UPUM atau dimuat turun dengan melayari laman web <http://www.um.edu.my/upum/>

## KAJIAN SEMASA UPUM

Berikut merupakan kajian-kajian yang sedang dijalankan oleh UPUM, diantaranya ialah:

1. Housing Affordability Index  
Klien : Sime Darby  
Ketua Projek : Prof. Madya Dr. Noor Rosly
2. My Body is Fit & Fabulous Intervention Program at Schools (MY BFF)  
Klien : IMR  
Ketua Projek : Dr. Zahari bin Ishak
3. Investigating The Possible Solutions And Technologies To Achieve Energy Saving In The Thermal Oil Heating  
Klien : Top Glove  
Ketua Projek : Dr. Saidur Rahman Abdul Hakim
4. Study on Selected Cigarette Samples  
Klien : British American Tobacco (BAT)  
Ketua Projek : Dr. Chandran
5. Geochemical studies of Kashafrud Formation (Middle Jurassic) and source rock determination of hydrocarbons in Kopet Dagh Basin (NE Iran).  
Klien : Petro Gostar Permasyon Co.  
Ketua Projek : Prof. Dr. Wan Hasiah Abdullah

# AKTIVITI SEMASA

1. Mesyuarat Ahli Majlis UPUM Bil.2/2013 telah diadakan pada 19 Julai 2013. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Tan Sri Ghauth Jasmon dan berlangsung di Bangunan Canseleri Universiti Malaya.
2. UPUM telah mengadakan jamuan Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri pada 22 Ogos 2013. Turut hadir ialah mantan VC UM, Tan Sri Ghauth Jasmon.



4. Satu persidangan pendidikan serantau telah berlangsung di Equatorial Hotel Bangi pada 27-28 Jun 2013. Seminar yang bertajuk "School Structure and Teacher Competence, Duties and Character" ini dihadiri oleh lebih 200 peserta dan 28 orang pembentang kertas kajian. Persidangan ini juga adalah bagi kajian dibawah Kementerian Pendidikan Malaysia.



3. Satu persidangan pendidikan antarabangsa telah diadakan di Eastin Hotel Petaling Jaya pada 10-12 Jun 2013. Persidangan ini bertajuk "School Administrators: Demand Supply and Monitoring Policies". Ia dihadiri oleh 200 peserta dan 11 orang pembentang kertas kajian antarabangsa. Persidangan ini adalah bagi kajian di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia dan diketuai oleh Prof. Datuk Dr. Sufean Hussin.

5. Satu lawatan ke tapak konservasi telah di adakan pada April 2013 di Taman Sejarah Kusta Negara di Sg Buloh, Selangor. Bangunan ini akan dibaikpulihan dengan bantuan perundingan daripada tenaga akademik Universiti Malaya. Projek konservasi ini adalah di bawah Jabatan Warisan Negara.

## PROMOSI DALAMAN

UNIVERSITY MALAYA RESEARCHERS CONFERENCE 2013



UPUM telah menyertai satu pameran bersempena dengan UM RESEARCHERS CONFERENCE 2013.

Pameran ini telah diadakan pada 19 dan 20 November 2013 bertempat di Kompleks Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi.

Melalui penglibatan dalam pameran seperti ini, UPUM dapat menarik lebih ramai perunding baru serta memasarkan perkhidmatan kepada klien yang berpotensi untuk menjana pendapatan kepada Universiti Malaya.

## AUDIT PEMANTAUAN SIRIM QAS INTERNATIONAL



Pada 11 hingga 15 November 2013, Universiti Malaya telah menjalani audit pemantauan oleh pihak SIRIM QAS International. Beberapa buah fakulti dan termasuk juga UPUM serta unit-unit lain di UM telah terpilih untuk audit pemantauan ini. Audit ini bertujuan memastikan pengurusan dalam kerja-kerja penyelidikan adalah berkualiti dan menepati piawaian yang telah ditetapkan.